

# 2019



FAKULTI PERGIGIAN

# BUKU PANDUAN PELAJAR

SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN  
DS240



BUKU PANDUAN PELAJAR  
PROGRAM SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN  
DS 240

SESSI 2019/2020



Fakulti Pergigian  
Kampus Sg Buloh UiTM  
Jalan Hospital  
47000 Sungai Buloh

HAKCIPTA TERPELIHARA © 2019

## Contents

SEKAPUR SIREH .....	1
FAKULTI PERGIGIAN .....	2
VISI, MISI, FALSAFAH & OBJEKTIF .....	3
SAHSIAH DAN RUPA DIRI PELAJAR.....	3
URUSAN HAL EHWAL AKADEMIK.....	4
KAKITANGAN FAKULTI PERGIGIAN .....	5
PROGRAM SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN (DS 240).....	7
PROGRAMME EDUCATIONAL OUTCOMES(PEO): .....	7
PROGRAMME OUTCOMES (PO):.....	8
PEPERIKSAAN .....	10
PANDUAN KURSUS.....	13
ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK.....	14
Anugerah Naib Canselor .....	14
Anugerah Dekan.....	14
Anugerah Akademik di Peringkat Fakulti.....	14

## SEKAPUR SIREH

### TAHNIAH!

Di kesempatan ini saya mengambil peluang mengucapkan SELAMAT DATANG ke Fakulti Pergigian, UiTM.

Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada saudara/saudari kerana terpilih bagi mengikuti program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian di Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA.

Buku panduan ini disediakan khas bagi menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan kursus dan kegiatan akademik sepanjang tempoh pengajian saudara/saudari selama lima tahun di sini. Ia mengandungi maklumat mengenai peradaban yang penting dalam kehidupan pelajar pergigian. Buku panduan ini juga merupakan dokumen rasmi yang disediakan oleh Fakulti yang mengandungi maklumat tentang peraturan akademik termasuk peperiksaan di fakulti ini.

Maklumat-maklumat ini boleh digunakan sebagai panduan oleh pelajar untuk merancang aktiviti pembelajaran dan peribadi sepanjang kursus agar dapat menempuh kehidupan sebagai pelajar Universiti Teknologi MARA dengan selesa dan penuh bermakna.

Akhir sekali, saya mengucapkan Selamat Maju Jaya dan selamat menjalani kehidupan sebagai pelajar Fakulti Pergigian di UiTM.

“Usaha, Taqwa, Mulia” Bersama Mengubah Destini Anak Bangsa.

Sekian.



Profesor Dr. Mohamed Ibrahim Abu Hassan  
Dekan

# **FAKULTI PERGIGIAN**

## **PENGENALAN - UiTM**

UiTM telah melalui perkembangan yang amat pesat sejak mewarnai sektor pengajian tinggi pada tahun 1956. Ia telah mengembangkan sayapnya ke seluruh negara dengan mempunyai sebanyak 15 buah kampus cawangan, sembilan kampus kota, tiga kampus satelit dan 21 buah kolej bersekutu, serta sebuah kampus pintar yang bakal didirikan. Dengan tenaga kerja seramai kira-kira 20, 000 orang dalam satu rangkaian yang besar, universiti ini menawarkan lebih daripada 300 buah program akademik dalam suasana yang kondusif dan ceria. Ia juga merupakan rumah kedua bagi hampir 200, 000 orang pelajar.

Walaupun masih muda berbanding universiti tempatan lain, UiTM memiliki reputasi sebagai salah sebuah universiti tempatan yang inovatif. Ia menjalinkan hubungan dengan pelbagai sektor industri yang menyuburkan lagi budaya penyelidikan dan inovasi serta dan keusahawanan di kalangan warganya.

Kini UiTM meneruskan usaha murni pemimpin dan pengasasnya terdahulu, meneroka dan menguasai pelbagai cabang ilmu untuk meraih gelaran universiti bertaraf dunia.

## **LATARBELAKANG – FAKULTI PERGIGIAN**

Sistem kesihatan di Malaysia mengalami perkembangan yang sangat pesat, sejajar dengan perkembangan ekonomi, peningkatan populasi dan taraf hidup masyarakat serta perkembangan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan pergigian adalah amat tinggi dan memerlukan tindakan mantap bagi menghadapi masalah ini.

Hasrat Naib Canselor UiTM adalah bagi melengkapkan kursus berasaskan perubatan dengan menubuhkan Fakulti Pergigian untuk menawarkan program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.

Kertas kerja Program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan penubuhan Fakulti Pergigian telah dibentangkan pada 22 Februari 2005 kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan telah mendapat kelulusan pada 4 Mei 2006.

Pengambilan pelajar sulung program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian adalah seramai 30 orang bagi Sesi 2006 / 2007. Pengambilan akademik adalah setiap tahun dan telah meningkat kepada 50 orang pelajar pada sesi 2014/2015. Pengambilan terbaru pada sesi 2015/16 seramai 80 orang dimana kemudahan yang disediakan di kampus baru Sungai Buloh adalah mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Kampus baru Sungai Buloh ini telah diserahkan kepada pihak UiTM secara rasminya pada 1 September 2015.

Penubuhan Fakulti Pergigian telah melengkapkan UiTM sebagai sebuah universiti komprehensif di Malaysia yang menawarkan pelbagai bidang mengikut keperluan industri di negara ini.

## **VISI, MISI, FALSAFAH & OBJEKTIF**

### **VISI UiTM**

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

### **MISI UiTM**

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

### **FALSAFAH UiTM**

Seseorang individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan profesional yang berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.

### **OBJEKTIF UiTM**

- Menyediakan peluang maksimum kepada kaum bumiputera bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan.
- Menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendokong dasar pembangunan negara.
- Mewujudkan program pembangunan kemanusiaan sebagai alat menerapkan sistem nilai di kalangan masyarakat UiTM.
- Memastikan produk UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah juga bersedia berkhidmat di peringkat global.
- Menjadikan UiTM sebuah organisasi cemerlang yang dapat menjamin pengurusan sumber manusia, kewangan dan harta benda yang berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat pendidikan UiTM serta memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat.

### **OBJEKTIF FAKULTI**

- Mencapai saranan kerajaan dalam menyediakan tahap penjagaan kesihatan pergigian yang cemerlang,
- Melahirkan lebih ramai tenaga pakar Bumiputera dalam bidang pergigian,
- Meningkatkan mutu perkhidmatan dalam bidang pergigian agar setaraf dengan kebanyakan negara membangun,
- Melahirkan graduan dalam bidang pergigian yang mempunyai kompetensi yang tinggi dalam bidang klinikal dan secara teknikal turut meberi sumbangan dalam penyelidikan dan inovasi,
- Memenuhi keperluan guna tenaga dalam negara.

## **SAHSIAH DAN RUPA DIRI PELAJAR**

Peraturan-peraturan mengenai pakaian dan sahsiah diri pelajar di Universiti Teknologi MARA adalah seperti berikut:

### **Siswa**

#### **Ciri Umum**

- Bersih dan kemas.
- Tidak memakai perhiasan perempuan termasuk memakai anting-anting, subang atau gelang tangan.
- Tidak memakai topi semasa berada di dalam bangunan/blok perpustakaan, dewan akademik, dewan kuliah, dewan makan dan pejabat.
- Memakai kemeja dan tali leher setiap hari kuliah.
- Pelajar klinikal Tahun 2, 3, 4 dan 5 dikehendaki memakai baju skrub (scrub top) semasa di dalam klinik.
- Bagi sesi praktikal di makmal, pelajar diwajibkan supaya memakai kot makmal (laboratory coat).

#### **Baju**

- Kemeja berkollar dan berlengan yang dibutangkan serta bertali leher.
- Tidak terlalu besar (over size).
- Tidak bertampong-tampong dan koyak.
- Baju jenis masuk ke dalam (tuck in) hendaklah kemas dan dimasukkan ke dalam seluar.
- Tidak mempunyai tulisan perkataan atau gambar yang membawa pengertian liar.

**Seluar**

- Seluar panjang.
- Tidak koyak dan bertampal-tampal.
- Kaki seluar tidak berserabut dan berbulu-bulu.

**Rambut**

- Kemas dan disisir rapi.
- Tidak panjang (rambut belakang tidak melebihi kolar baju, rambut hadapan tidak melebihi kening dan rambut tepi tidak menutup telinga).
- Tidak terbiar hingga boleh menghilangkan identiti seorang lelaki.
- Fesyen rambut tidak melambangkan budaya asing.

**Kasut**

- Berkasut formal.
- Tidak memakai kasut sukan atau sandal atau selipar.

**Siswi****Ciri Umum**

- Bersih, kemas, longgar, tidak jarang dan tidak menjolok mata.
- Tidak memakai topi (cap) semasa berada di dalam bangunan / blok perpustakaan, dewan akademik, dewan kuliah, dewan makan dan pejabat.
- Memakai baju kurung setiap hari Isnin (Hari Korporat UiTM) dan Jumaat (pelajar bukan Islam digalakkkan).
- Hanya dibenarkan memakai sepasang anting-anting atau subang.
- Pelajar klinikal Tahun 2, 3, 4 dan 5 dikehendaki memakai baju scrubs (scrub top) semasa di dalam klinik
- Bagi sesi praktikal di makmal, pelajar diwajibkan supaya memakai kot makmal (laboratory coat).

**Baju**

- Baju tidak jarang dan ketat sehingga menampakkan susuk badan.
- Bahagian neck-line tidak terdedah.
- Lengan panjang sampai ke pergelangan tangan.
- Labuh sekurang-kurangnya menutup punggung.
- Tidak mempunyai tulisan perkataan atau gambar yang membawa pengertian liar.

**Kain**

- Labuh tetapi tidak mencecah lantai.
- Tidak terbelah sehingga menampakkan betis.
- Longgar.
- Tidak jarang.

**Seluar**

- Longgar dan tidak menampakkan bentuk badan.
- Tidak jarang.
- Tidak koyak dan bertampal-tampal.
- Dipakai dengan baju longgar dan labuh yang menutup punggung.

**Kasut**

- Berkasut formal.
- Tidak memakai kasut sukan atau sandal atau selipar.

**PAKAIAN SUKAN (LELAKI & PEREMPUAN)**

Memakai track bottom ketika ke padang atau berjogging di dalam kawasan kampus.

Pemakaian tight-fit/seluar pendek paras lutut cuma dibenarkan ketika berada di padang sahaja (lelaki sahaja).

Pelajar perempuan digalakkan memakai kemeja-t berlengan panjang.

Pakaian kolam renang adalah seperti mana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Renang UiTM.

## URUSAN HAL EHWAL AKADEMIK

**PENDAFTARAN PELAJAR**

Pelajar perlu mendaftar diri untuk mendapatkan status pelajar UiTM. Tanpa berbuat demikian, segala urusan berkaitan diri anda dengan pelbagai pihak di Universiti dan Fakulti adalah tidak sah.

**PENDAFTARAN KURSUS**

Anda mesti mengetahui kursus untuk perlu diikuti pada setiap semester dan mendaftarkan kursus-kursus tersebut melalui portal pelajar. Kegagalan pelajar mendaftarkan kursus menyebabkan anda tidak boleh mengikuti kuliah atau mengambil peperiksaan dan seterusnya menyebabkan anda gagal dalam kursus berkenaan.

## **KEHADIRAN PELAJAR**

Pelajar diWAJIBkan menghadiri setiap kuliah serta aktiviti pembelajaran yang lain seperti bengkel / tutorial / makmal / studio / medan / latihan amali / praktikal. Peratusan kehadiran bagi melayakkan pelajar untuk menduduki Peperiksaan Profesional adalah seperti berikut:

- Syarahan - 80%
- Praktikal / Klinikal - 75%

## **KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PROFESIONAL**

Pelajar hendaklah menyemak Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan (sementara) yang dipaparkan dalam laman web UiTM (i-Student Portal). Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan rasmi yang bercetak akan dikeluarkan kepada pelajar-pelajar selepas semua urusan pendaftaran selesai iaitu apabila Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) mendapati pelajar telah menyempurnakan kursus dengan memuaskan.

Pelajar yang **gagal membawa** Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan bagi kursus yang melibatkan peperiksaan Tahun Akhir dan Peperiksaan Profesional **tidak akan dibenarkan** menduduki peperiksaan tersebut. Kad pelajar dan Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan perlu diletakkan di atas meja setiap kali peperiksaan berlangsung.

\* Para pelajar diingatkan supaya sentiasa mengekses portal pelajar bagi mendapatkan maklumat terkini di <http://istudent.uitm.edu.my/stp/home/main2.asp>.

## **KAKITANGAN FAKULTI PERGIGIAN**

### **PEJABAT DEKAN**

- Dekan : Prof Dato' Dr. Mohamed Ibrahim b. Abu Hassan
- Timbalan Dekan (*Akademik & Antarabangsa*) : PM Dr Aida Nur Ashikin bt. Abd Rahman
- Timbalan Dekan (*Klinikal*) : PM Dr Nik Mohd Mazuan b. NM Rosdy
- Timbalan Dekan (*Hal Ehwal Pelajar dan Alumni*) : Dr Mas Suryalis bt. Ahmad

Timbalan Dekan : Dr Eddy Hasrul b. Hassan  
(*Jaringan Industri, Masyarakat, Penyelidikan*)

### **PENTADBIRAN AM**

- Penolong Pendaftar Kanan : Cik Noor Farah Zaiti Mohd Zaidon
- Pegawai Eksekutif Tertinggi : Datin Juhara Tajul Arifin
- Pegawai Eksekutif : Pn. Maskiah bt. Abdullah
- Penolong Pegawai ICT : Pn. Noor Haida Mohamad Shaari
- Penolong Pegawai ICT : Pn. Rubiah bt. Yusoff

### **PENTADBIRAN AKADEMIK**

- Penolong Pendaftar : Pn. Salina bt. Ibrahim
- Pegawai Eksekutif : Cik Nor Aznie Aziz

### **PENTADBIRAN MAKMAL**

- Pegawai Sains : Pn. Norashikin bt. Salleh
- Pegawai Sains : Pn. Fara Fariza bt. Zahar

### **PENTADBIRAN KLINIKAL**

- Penyelia Jururawat : Pn Norhayati Nordin
- Penyelia Jururawat : Pn. Suzila bt. Sukri

Ketua Juruteknologi Pergigian: En. Kamarudin b. Wahab

### **PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**

- Ketua : Pn Nur Aliana Hidayah Mohamed

### **PUSAT PENGAJIAN SAINS PRA-KLINIKAL**

- Ketua : Dr Indah bt. Mohd Amin
- Pensyarah : Dr. Eddy Hasrul b. Hassan
- PM Dr. Kazi Ahsan Jamil
- Dr. Faezah bt. Sabirin
- Pn. Hasnah Begum bt. Said Gulam Khan
- Dr. Khor Goot Heah
- Dr. Luay Thanoon Younis
- Pn. Noor Azliza Wani bt. Abd. Aziz
- Pn. Noor Izzah bt. Abd Rahman
- Pn. Nurhayati bt. Mohamad Zain
- Pn. Nurhaslina bt. Hasan
- Pn. Norhayati Liaqat bt. Ali Khan
- Dr. Nurul 'Izzah bt. Mohd Sarmin

Dr. Omar Emad Ibrahim  
Pn. RD Aidifitrina bt. Khirotdin  
Pn. Siti Zaleha bt. Suki  
Pn. Vivi Noryati bt. Ahmad  
En Zaid Zainuddin  
Pn Nurul Ain Noorjamal  
Pn. Zatilfarihiah bt. Rasdi (CB)

Dr. Annapurny Venkiteswaran  
Dr. Rohaida Abd Halim  
Dr. Maryati Md Dasor  
Dr. Noor Airin Muhamad Aidil Koay  
Dr. Saraswathy Devi Sinniah  
Dr. Norashikin Abu Bakar  
Dr. Siti Hajar Hamzah  
Dr. Alaa Sabah Husein  
Dr. Indah Yuri Noviaranny  
Dr. Nagham Mohammed Abdullah  
Dr. Noren Nor bt. Hasmun  
Dr. Nik Mukhriz Nik Mustapha  
Dr. Mohd Amir Mukhsin b. Zurin Adnan

#### **PUSAT PENGAJIAN ORAL DAN MAKSILOFASIAL DIAGNOSTIK DAN PERUBATAN**

Ketua : PM Dr Mohd Yusmiail Putera Mohd Yusof  
Pensyarah : Dr. Nurharnani bt. Harun  
PM Dr. Yoshinobu Shoji  
Dr. Nik Mohd. Mazuan b. Nik Mohd Rosdy  
Dr. Siti Aishah bt. Abdullah Sani  
Dr. Nor Hidayah bt. Reduwan  
Dr. Wan Nurhazirah bt. W. Ahmad Kamil

Pensyarah Pelatih :

#### **PUSAT PENGAJIAN PERGIGIAN RESTORATIF**

Ketua : PM Dr. Lim Tong Wah  
Pensyarah : Prof. Dato' Dr. Mohamed Ibrahim b. Abu Hassan  
Prof. Madya Dr. Rohana bt. Ahmad  
Dr. Nor Wati @ Nur Atiqah bt. Mustafa  
Dr. Nor Faharina bt. Abdul Hamid  
Dr. Zethy Hanum bt. Mohamed Kassim  
Dr. Hazlina bt. Abdul Ghani  
Dr. Eleena bt. Mohd Yusuf  
Dr. Nur Hafizah bt. Kamar Affendi  
Dr. Aiemeiza Rajali  
PM Dr. Siti Mariam bt. Ab Ghani (CB)  
Dr. Tengku Fazrina bt. Tengku Mohd Ariff  
Dr. Nurul Whahidah bt. Azmi  
Dr. Melati bt. Mahmud  
Dr. Nurul Ain bt. Ramlan

#### **PUSAT PENGAJIAN PEMBEDAHAN MULUT DAN MAKSILOFASIAL**

Ketua : Dr. Hazmyr b. Abdul Wahab  
Pensyarah : Dr. Nurul Aida bt. Ngah  
Dr. Michelle Clare Mah  
Tengku Dr. Intan Baizura bt. Tengku Jamaluddin  
Dr. Mohd Shawal Firdaus b. Mohamad  
Dr. Nazer b. Berahim  
Dr. Andrean b. Husin  
Dr. Mohd Kherman b. Suparman  
Dr. Tan Su Keng  
Dr. Azmeel Mazlee b. Anuar

Pensyarah Pelatih :

Dr. Aini Hayati bt Abdul Rahim  
Dr. Najwa bt. Baharudin  
Dr. Nadhirah Ghazali

#### **PUSAT PENGAJIAN KESIHATAN PERGIGIAN POPULASI & PENCEGAHAN KLINIKAL**

Ketua : Dr. Nor Faezah bt. Md Bohari  
Pensyarah : PM Dr. Budi Aslinie bt. Md Sabri  
PM Dr. Norashikin bt. Yusof  
Dr. Nawwal Alwani bt. Mohd Radzi  
Dr. Noor Nazahiah bt. Bakri  
Pensyarah Pelatih : Dr. Diyana Shereen Anwar

#### **PUSAT PENGAJIAN PERIODONTOLOGI**

Ketua : Dr. Faizal Hafez b. Hidayat  
Pensyarah : Prof. Dr. Fouad MH al-Bayaty  
Prof. Madya Datin Dr. Mahyunah bt. Dato' Masud  
Dr. Erni bt. Noor  
Dr. Farha bt. Ariffin

#### **PUSAT PENGAJIAN PERGIGIAN KANAK-KANAK & ORTHODONTIK**

Ketua : Dr. Noraina Hafizan Norma  
Pensyarah : PM Dr. Aida Nur Ashikin Abd Rahman

Pensyarah Pelatih : Dr. Farra Azwin Adam  
Dr. Hafizul Izwan b. Mohd Zahari  
Dr. Muhammad Hilmie b. Zainal Ariffin

#### **PUSAT PENGAJIAN PENJAGAAN KOMPREHENSIF**

Ketua Pensyarah : Dr. Nik Zarina bt. Nik Mahmood  
Dr. Mohd Faiz b. Nasruddin  
Dr. Saba Fouad Hussain  
Dr. Noor Ilyani bt. Othman  
Dr. Aza Fazura Asmaon  
Dr Nik Rahayyu Nik Zulkifeli  
Dr Norhasnida Nordin  
Dr Ilham Wan Mokhtar  
Dr Mas Suryalis Ahmad  
PM Kol (B) Dr Ikmal Hisham Ismail  
Dr. Afzan Adilah bt. Ayoub  
Dr. Hayati bt. Ishak  
Dr. Marlena bt. Kamaruzaman  
Dr. Noorharliana bt. Mohamad Zohdi  
Dr. Faisal Bahnasi Ismail

Pensyarah Pelatih : Dr. Siti Aishah bt. Roslan  
Dr. Azwin Asilah bt. Kamaruddi

**KLINIK RAWATAN UTAMA**  
Pegawai Pergigian :

Dr. Mohamad Ghassan Abdali

\*Senarai terkini: 30 Ogos 2019

Kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini adalah *Outcome Based Education* (OBE) ataupun *Student-Centred Learning*. Integrasi pembelajaran Sains Asas Perubatan dan subjek pergigian Tahun 1 dan Tahun 2 saling berkaitan bagi fasa pra-klinikal dan klinikal. Pembangunan profesionalisme dijalankan secara berterusan selama lima tahun pengajian. Ujian berkala atau ujian kompetensi diadakan pada setiap akhir modul-modul yang berkenaan.

Graduan pergigian akan dianugerahkan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian bagi melayakkan mereka mempraktikkan ilmu dan kemahiran selaras dengan Akta Pergigian.

#### **PROGRAMME EDUCATIONAL OUTCOMES(PEO):**

*After 3-5 years of graduation, the graduates are able to:*

<b>PEO1</b>	Dental professional who use medical and dental knowledge and clinical experiences based on clinical reasoning strategies to provide quality services.
<b>PEO2</b>	Dental professional who integrate ethical values in providing services to the society with good social skills in accordance to oral healthcare standard.
<b>PEO3</b>	Dental professional who engage effectively within their team in problem solving and possess leadership skill in decision making across all disciplines through effective communicative abilities.
<b>PEO4</b>	Dental professional who possess managerial skills, entrepreneurial vision and practices lifelong learning and information management skills in dentistry.

## **PROGRAM SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN (DS 240)**

Tempoh pengajian untuk program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian ialah lima (5) tahun dan tidak melebihi lapan (8) tahun. Tiada seorang pelajar dianggap sebagai memenuhi keperluan program ini kecuali pelajar tersebut telah menyempurnakan dengan memuaskan kursus pengajian dan latihan praktikal sepertimana yang ditetapkan oleh peraturan di bawah Akta Peperiksaan.

Program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (DS 240) meliputi satu tahun fasa pra-klinikal dan empat tahun fasa klinikal serta tiga Peperiksaan Profesional.

## PROGRAMME OUTCOMES (PO):

Upon successful completion of this programme, students should be able to:

<b>PO1</b>	Possess knowledge in medical and dental sciences to support the practice of dentistry.
<b>PO2</b>	Demonstrate clinical skills to practice dentistry independently.
<b>PO3</b>	Demonstrate appropriate social skills and responsibility.
<b>PO4</b>	Adhere to legal, ethical and professional codes of practice.
<b>PO5</b>	Display leadership qualities through communicating and working effectively with peers and stakeholders as a team
<b>PO6</b>	Provide solutions to problems using scientific and critical thinking skills in the practice of dentistry.
<b>PO7</b>	Manage information competently and demonstrate good lifelong learning skills through continuing professional development.
<b>PO8</b>	Acquire the managerial skills and entrepreneurial vision

### Kaedah Pengajaran

Program ini menggunakan pelbagai kaedah pengajaran berdasarkan *Student Centred Learning* atau *Outcome Based Education*. Ini bermakna kaedah interaktif dan kondusif yang disokong kemudahan pembelajaran teknologi terkini.

Walau bagaimanapun, syaranan tetap merupakan pendekatan pengajaran yang dilengkapkan lagi dengan kaedah lain seperti tutorial, seminar, makmal kemahiran klinikal, makmal simulasi, latihan di hospital, pendedahan kepada industri dan lain-lain. Kaedah yang dimaksudkan diterangkan lebih terperinci seperti berikut:

- Syaranan**

Syaranan diberikan oleh para pensyarah yang pakar dalam bidang masing-masing. Pelajar perlu membaca serba ringkas sebelum menghadiri kuliah bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan baik.

- Demonstrasi Klinikal**

Kaedah pembelajaran ini secara visual atau interaktif dilakukan di klinik atau di makmal bagi membantu pelajar mempraktikkan teknik / kemahiran yang betul.

- 'Blended Learning'**

Para pelajar akan diberikan bahan pengajaran dan pembelajaran secara elektronik (e-module) oleh pensyarah. E-Module ini perlu diakses oleh para pelajar sebelum dan selepas pembelajaran dan akan membantu pelajar dalam memahami dan menyiapkan tugas yang diberikan.

- Klinik / Makmal Sains Praklinikal / Makmal Kemahiran Klinikal**

Pelajar didedahkan kepada pengurusan pesakit pada tahun klinikal (Tahun 2 hingga Tahun 5) dengan diberi jumlah pesakit yang tertentu yang ditetapkan mengikut subjek. Pengurusan pesakit oleh pelajar ini diselia oleh pensyarah dan dibantu oleh pensyarah-pensyarah pelatih. Secara tidak langsung pelajar didedahkan kepada suasana sebenar alam pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan.

- Tutorial / Seminar**

Pelajar ditugaskan untuk mencari bahan berkaitan tajuk-tajuk syaranan dan dibentangkan kepada rakan sekuliah. Tempoh pembentangan adalah selama sejam.

- 'Problem Based Learning' (PBL)**

Kaedah ini dilakukan dari Tahun 1 hingga Tahun 5 berdasarkan subjek-subjek tertentu. Sesi PBL yang menggabungkan beberapa subjek berkaitan dan dilaksanakan dalam tiga sesi.

- Projek**

Ceramah 'Dental Health Education' dan projek-projek kemasyarakatan dilakukan oleh pelajar dalam kumpulan-kumpulan kecil. Ini membolehkan pelajar mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran khidmat masyarakat.

- Lawatan ke Kementerian Kesihatan Malaysia / Pelbagai Jabatan Berkaitan**

Lawatan ke hospital, klinik atau jabatan-jabatan berkaitan memberi pendedahan terus kepada pelajar tentang perkhidmatan awam khasnya perkhidmatan kesihatan pergigian.

\* Pelajar dinasihatkan melawati laman portal i-Learn bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkara berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

**SENARAI KURSUS SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN**

YEAR 1	Part		Course Code	Course Name
	1	2		
Faculty Courses			DFS401	Foundation of Medical & Oral Sciences
			DPC601	Patient Care & Professional Development
			DOE602	Operative Dentistry & Endodontology
			DPR602	Prosthodontics
University Courses			CTU551	TITAS
			CTU555	Sejarah Malaysia
			ELC501	English for Critical Academic Reading
			ELC550	English for Academic Writing
			HBU111	Kesatria Negara 1
			TMC401	Introductory Mandarin I
YEAR 2	Part		Course Code	Course Name
Faculty Courses			DFS401	Foundation of Medical & Oral Sciences
			DPC601	Patient Care & Professional Development
			DCC607	Comprehensive Care & Practice Management
			DCP402	Introduction to Clinical Practice
			DOE602	Operative Dentistry & Endodontology
			DPE502	Periodontology
			DPR602	Prosthodontics
			DOP402	OMF Pathology
			DOS603	OMF Surgery
			DCH503	Community Oral Health
University Courses			ELC590	English for Oral Presentations
			ELC650	English for Professional Interaction
			HKB115	Seni Tari Tradisi & Kreatif 1
			HKB225	Seni Tari Tradisi & Kreatif 2
			HSKxxx	Sukan (tertakluk pada pilihan Fakulti)
			TMC451	Introductory Mandarin II
			TMC501	Introductory Mandarin III
Part	Course Code		Course Name	

YEAR 3	5	6			
Faculty Courses			DPC601	Patient Care & Professional Development	
			DOE602	Operative Dentistry & Endodontology	
			DPE502	Periodontology	
			DPR602	Prosthodontics	
			DOS603	OMF Surgery	
			DOM503	OMF Diagnostics & Medicine	
			DCH503	Community Oral Health	
			DPD503	Paediatric Dentistry	
			DSM403	General Medicine & General Surgery	
			DOR505	Orthodontics	
University Courses			DCC607	Comprehensive Care & Practice Management	
YEAR 4	Part	7	8	Course Code	Course Name
		DPC601	Patient Care & Professional Development		
		DOE602	Operative Dentistry & Endodontology		
		DPE502	Periodontology		
		DPR602	Prosthodontics		
		DOS603	OMF Surgery		
YEAR 5	Part	9	10	Course Code	Course Name
Faculty Courses			DCC607	Comprehensive Care & Practice Management	
			DOE602	Operative Dentistry & Endodontology	
			DPR602	Prosthodontics	
			DOS603	OMFS Surgery	
			DPE502	Periodontology	
			DPC601	Patient Care & Professional Development	
University Courses			ENT550	Business Planning	

## PEPERIKSAAN

### Peperiksaan Profesional

Terdapat EMPAT Peperiksaan Profesional yang membawa kepada penganugerahan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian iaitu:

- I. Professional Examination 1 (PRO1)
- II. Professional Examination 2 (PRO2)
- III. Professional Examination 3 (PRO3)
- IV. Professional Examination 4a (PRO4a)
- V. Professional Examination 4b (PRO4b)

Pemberat bagi penilaian keseluruhan adalah seperti berikut:

	<b>Assessment</b>	<b>Weightage</b>	<b>Description</b>
1	Continuous Assessment	40%	Accumulative marks towards the final assessment
2	Competency Assessment	Pass required	It is as a prerequisite for sitting the Professional Examination
3	Professional Examination	60%	Final assessment

Professional Examinations	Course	
	Name	Code
Professional Examinations 1 (Part 4)	Foundation of Medical and Oral Sciences	DFS401
Professional Examinations 2 (Part 6)	Oral & Maxillofacial Pathology	DOP402
	General Medicine and General Surgery	DSM403
Professional Examinations 3 (Part 8)	OMF Diagnostics & Medicine	DOM503
	Orthodontics	DOR505
	Paediatric Dentistry	DPD503
	Community Oral Health	DCH503
Professional Examinations 4a (Part 9)	Periodontology	DPE502
	OMF Surgery	DOS603
	Operative Dentistry & Endodontics	DOE602
	Prosthodontics	DPR602
Professional Examinations 4b (Part 10)	Comprehensive Care & Practice Management	DCC607

### Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan Profesional

#### Peperiksaan Profesional I untuk Sarjana Muda Pembedahan Pergigian

Seseorang pelajar;

- (1) Dikehendaki mencapai 80% kehadiran kuliah dan 75 % sesi praktikal/tutorial/ seminar bagi tempoh selama empat (4) semester/bahagian yang ditetapkan bagi Tahun 1 dan 2 kursus Sarjana Muda sepermata yang

- diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2019 sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan. Fakulti boleh atas budi bicara mempertimbangkan semula kehadiran bagi kes-kes pelajar atas sebab-sebab tertentu,
- (2) Tertakluk kepada Akta dan Peraturan yang menguasai peperiksaan, hendaklah dianggap sebagai telah lulus Peperiksaan Profesional 1 sekiranya pada satu peperiksaan yang sama, ia telah memuaskan Jawatankuasa Peperiksaan untuk Peperiksaan itu, dan
- (3) Tidak akan dibenarkan meneruskan ke semester 5 (Tahun 3) kursus Sarjana Muda kecuali ia telah lulus Peperiksaan Profesional 1.
- (4) Seseorang pelajar yang gagal matapelajaran dalam Peperiksaan Profesional 1 akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) yang diadakan pada cuti semester 4. Pelajar yang lulus adalah dianggap sebagai telah lulus Peperiksaan Professional 1 dan akan dibenarkan untuk meneruskan pengajian ke semester 5.
- (5) Seorang pelajar yang telah gagal satu atau semua matapelajaran dalam Peperiksaan Semula (Supplementary) perlu mengulangi tahun pengajian Kedua (Semester 3 dan 4).
- (6) Selepas mengulang pengajian selama setahun dan gagal di Peperiksaan Professional 1 di Semester 4, peluang menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) akan diberikan buat kali terakhir. Sekiranya pelajar masih gagal selepas peluang ini, pelajar perlu ditamatkan pengajian.

### **Peperiksaan Profesional 2 untuk Sarjana Muda Pembedahan Pergigian**

Seseorang pelajar:

- (1) Dikehendaki mencapai 80% kehadiran kuliah dan 75% sesi praktikal/ tutorial/ seminar bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh selama lapan (6) semester/bahagian yang ditetapkan bagi Tahun 3 kursus Sarjana Muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2019 sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan. Fakulti boleh atas budi bicara mempertimbangkan semula kehadiran bagi kes-kes pelajar atas sebab-sebab tertentu,
- (2) Tertakluk kepada Akta dan Peraturan yang menguasai peperiksaan, hendaklah dianggap sebagai telah lulus Peperiksaan Profesional 2 sekiranya pada satu peperiksaan yang sama, ia telah memuaskan Jawatankuasa Peperiksaan untuk Peperiksaan itu, dan
- (3) Tidak dibenar meneruskan pengajian ke Semester 7 (Tahun 4) kursus sarjana muda kecuali ia telah lulus Peperiksaan Profesional 2.
- (4) Seseorang pelajar yang gagal salah satu atau semua matapelajaran dalam Peperiksaan Profesional 2 akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) yang diadakan pada cuti Semester 6. Pelajar yang lulus adalah dianggap sebagai telah lulus Peperiksaan Professional 2 dan akan dibenarkan untuk meneruskan pengajian ke semester 7 (Tahun 4).
- (5) Seseorang pelajar yang gagal satu atau semua matapelajaran dalam Peperiksaan Profesional 2 Semula (Supplementary) akan dianggap telah gagal Peperiksaan Profesional 2 dan perlu mengulangi Semester 5 & 6 (Tahun 3).

### **Peperiksaan Profesional 3 untuk Sarjana Muda Pembedahan Pergigian**

Seseorang pelajar:

- (1) Dikehendaki mencapai 80% kehadiran kuliah, 75% sesi praktikal/ tutorial/ seminar dan memenuhi '*Minimum Requirement Experience*' (MRE) dan '*Expected Clinical Experience*' (ECE) bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh bahagian kursus yang ditetapkan bagi Tahun 4 kursus Sarjana Muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2017 sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.
- (2) Tertakluk kepada Akta dan Peraturan yang menguasai peperiksaan, seseorang pelajar yang telah lulus semua matapelajaran untuk peperiksaan Profesional 3 serta memuaskan Jawatankuasa Peperiksaan berkenaan akan dianggap telah lulus Peperiksaan itu,
- (3) Seorang pelajar yang gagal memenuhi '*Minimum Requirement Experience*' (MRE) dan '*Expected Clinical Experience*' (ECE) bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh bahagian kursus yang ditetapkan bagi Tahun 4 kursus sarjana muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2019 akan dihalang dari menduduki peperiksaan dan dianggap telah gagal Peperiksaan Profesional 3. Pelajar akan

- dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) masa 6 bulan dari tarikh Peperiksaan Utama Profesional 3.
- (4) Seseorang pelajar yang gagal bagi matapelajaran dalam Peperiksaan Profesional 3 akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) dalam kursus yang pelajar gagal dalam masa 6 bulan dari tarikh Peperiksaan Utama Profesional 3.
- (5) Seseorang pelajar yang gagal salah satu atau semua matapelajaran dalam Peperiksaan Semula (Supplementary) akan dianggap telah gagal Peperiksaan Profesional 3 dan akan dibenarkan mengulangi kursus (minimum 6 bulan) dan menduduki Peperiksaan Profesional 3 yang seterusnya.

#### **Peperiksaan Profesional 4a untuk Sarjana Muda Pembedahan Pergigian**

Seseorang pelajar:

- (1) Dikehendaki mencapai 80% kehadiran kuliah, 75% sesi praktikal/ tutorial/ seminar dan memenuhi '*Minimum Requirement Experience*' (*MRE*) dan '*Expected Clinical Experience*' (*ECE*) bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh bahagian kursus yang ditetapkan bagi Tahun 5 (semester 9) kursus Sarjana Muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2019 sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.
- (2) Tertakluk kepada Akta dan Peraturan yang menguasai peperiksaan, seseorang pelajar yang telah lulus semua matapelajaran untuk peperiksaan Profesional 4a serta memuaskan Jawatankuasa Peperiksaan berkenaan akan dianggap telah lulus Peperiksaan itu,
- (3) Seorang pelajar yang gagal memenuhi '*Minimum Requirement Experience*' (*MRE*) dan '*Expected Clinical Experience*' (*ECE*) bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh bahagian kursus yang ditetapkan bagi Tahun 5 (semester 9) kursus Sarjana Muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2019 akan dihalang dari menduduki peperiksaan dan dianggap telah gagal Peperiksaan Profesional 4a. Pelajar akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) masa 6 bulan dari tarikh Peperiksaan Utama Professional 4a.
- (4) Seseorang pelajar yang gagal bagi matapelajaran dalam Peperiksaan

Profesional 4a akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) dalam kursus yang pelajar gagal dalam masa 6 bulan dari tarikh Peperiksaan Utama Professional 4a.

- (5) Seseorang pelajar yang gagal salah satu atau semua matapelajaran dalam Peperiksaan Semula (Supplementary) akan dianggap telah gagal Peperiksaan Profesional 4a dan akan dibenarkan mengulangi kursus (minimum 6 bulan) dan menduduki Peperiksaan Profesional 4a yang seterusnya.

#### **Peperiksaan Profesional 4a untuk Sarjana Muda Pembedahan Pergigian**

Seseorang pelajar:

- (1) Dikehendaki mencapai 80% kehadiran kuliah, 75% sesi praktikal/ tutorial/ seminar dan memenuhi '*Minimum Requirement Experience*' (*MRE*) dan '*Expected Clinical Experience*' (*ECE*) bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh bahagian kursus yang ditetapkan bagi Tahun 5 (semester 10) kursus Sarjana Muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2016 sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.
- (2) Tertakluk kepada Akta dan Peraturan yang menguasai peperiksaan, seseorang pelajar yang telah lulus semua matapelajaran untuk peperiksaan Profesional 4b serta memuaskan Jawatankuasa Peperiksaan berkenaan akan dianggap telah lulus Peperiksaan itu,
- (3) Seorang pelajar yang gagal memenuhi '*Minimum Requirement Experience*' (*MRE*) dan '*Expected Clinical Experience*' (*ECE*) bagi kursus-kursus klinikal bagi tempoh bahagian kursus yang ditetapkan bagi Tahun 5 (semester 10) kursus Sarjana Muda sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Peperiksaan 2019 akan dihalang dari menduduki peperiksaan dan dianggap telah gagal Peperiksaan Profesional 4b. Pelajar akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) masa 6 bulan dari tarikh Peperiksaan Utama Professional 4b.
- (4) Seseorang pelajar yang gagal bagi matapelajaran dalam Peperiksaan Profesional 4b akan dibenarkan menduduki Peperiksaan Semula (Supplementary) dalam masa 6 bulan dari tarikh Peperiksaan Utama Professional 4b.
- (5) Seseorang pelajar yang gagal bagi matapelajaran dalam Peperiksaan Semula (Supplementary) akan dianggap telah gagal Peperiksaan

Profesional 4b dan akan dibenarkan mengulangi kursus (minimum 6 bulan) dan menduduki Peperiksaan Profesional 4b yang seterusnya.

- Status **LULUS BERSYARAT**: pelajar hanya **LULUS SATU DARIPADA JUMLAH** kursus yang terlibat dalam Peperiksaan Profesional. Pelajar ini perlu menduduki Peperiksaan Semula dalam tempoh 6 bulan.

#### Penguatkuasaan

- (1) Peraturan Peperiksaan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian 2019 hendaklah dikuatkuasakan bagi semua pelajar Tahun 1, 2, 3, 4 dan 5 yang mendaftar bagi kursus Sarjana Muda Pembedahan Pergigian mulai sesi September 2019/2020.

Pelajar hendaklah menyemak Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan (sementara) yang dipaparkan dalam laman web UiTM (i-Student Portal).

Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan rasmi yang bercetak akan dikeluarkan kepada pelajar-pelajar selepas semua urusan pendaftaran selesai iaitu apabila Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) mendapati pelajar telah menyempurnakan kursus dengan memuaskan dan LAYAK menduduki peperiksaan.

Pelajar yang gagal membawa Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan bagi kursus yang melibatkan peperiksaan akhir tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut. Kad pelajar dan Penyata Kelayakan Menduduki Peperiksaan perlu diletakkan di atas meja setiap kali peperiksaan berlangsung.

\* Para pelajar diingatkan supaya sentiasa mengekses portal pelajar bagi mendapatkan maklumat terkini di:

<http://istudent.uitm.edu.my/stp/home/main2.asp>.

## PANDUAN KURSUS

### Am

1. Tempoh kursus Sarjana Muda Pembedahan Pergigian adalah selama lima tahun dibahagikan kepada Tahun 1, 2, 3, 4 dan 5.
2. Kursus bagi lima tahun pengajian hendaklah mengandungi kursus Asas Sains Perubatan dan Pergigian dan kursus Universiti sepertimana di dalam Jadual Buku Panduan.
3. Seseorang pelajar dikehendaki hadir ke semua kelas dan menjalankan semua tugas yang diberikan kepadanya kecuali dia mendapat cuti sakit atau dibenarkan cuti oleh Dekan Fakulti Pergigian.
4. Cara pengajaran kursus ijazah ini termasuk:  
Kuliah, tutorial, latihan dan praktikal makmal, simulasi, latihan kemahiran klinikal, kerja luar, seminar dan pengajaran klinikal yang diberi dalam Fakulti Pergigian dan di institusi atau kawasan lain sepertimana yang diluluskan oleh Fakulti atau Universiti.

### Penilaian

5. Penilaian pelajar adalah satu proses berterusan dalam setiap tahun kursus ijazah dan akan mengandungi peperiksaan semester, ujian dan laporan berkala. Peperiksaan Profesional akan diadakan pada akhir pengajian Tahun 2, 4 dan 5 kursus ini.

### Keperluan Kursus Universiti

6. Kursus Bahasa Inggeris adalah wajib bagi semua pelajar Pergigian.
7. Kursus Bahasa Inggeris dijalankan pada Tahun 1 sehingga tahun 3 dan jika gagal pelajar dikehendaki mengulang kursus tersebut sehingga lulus.
8. Sukatan pelajaran Bahasa Inggeris mengandungi pembacaan, kefahaman, kemahiran pertuturan, pemikiran, penulisan dan pendengaran.
9. Penilaian kursus Bahasa Inggeris ini akan terdiri daripada peperiksaan pada akhir kursus.
10. Seseorang pelajar dikehendaki lulus peperiksaan kursus Bahasa Inggeris sebelum ia dibenar meneruskan pengajian ke tahap seterusnya.
11. Semua pelajar Fakulti Pergigian dikehendaki lulus ujian Bahasa Inggeris EET699 pada tahap satu lebih tinggi daripada ketika memasuki pengajian

atau mencapai minimum Tahap 4 sebelum mereka layak dianugerahkan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.

#### **Keperluan Kursus Universiti**

12. Semua pelajar yang mendaftar dikehendaki mengikuti dan lulus kursus Universiti berikut sebelum mereka dianugerahkan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian iaitu:

Semua pelajar perlu mengikuti Program Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar (PPKP) sebagai syarat berjaya menamatkan pengajian dan layak dianugerahkan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dalam istiadat konvolesyen.

13. Semua pelajar perlu mengikuti Program Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar (PPKP) sebagai syarat berjaya menamatkan pengajian dan layak dianugerahkan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dalam istiadat konvolesyen.

Kursus-kursus yang terlibat untuk setiap peperiksaan adalah seperti berikut:

Kod Kursus	Kursus
ELC501	English for Critical Academic Reading
ELC550	English for Academic Writing
ELC590	English for Oral Presentations
ELC650	English for Professional Interaction
TMC401	Introductory Mandarin I
TMC451	Introductory Mandarin II
TMC501	Introductory Mandarin III
CTU551	Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara (TITAS)
CTU553	Sejarah Malaysia
HBU111	Kesatria Negara
HKB115	Seni Tari Tradisi & Kreatif
HSKxxx	Sukan (bidang sukan mengikut permintaan)
ENT550	Business Planning
EET699	Exit English Test

## **ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK**

Kriteria untuk pencalonan Anugerah Dekan dan Anugerah Naib Canselor:

### **ANUGERAH NAIB CANSELOR**

Pelajar dikehendaki:

- a) Telah menamatkan kursus dalam tempoh pengajian, tidak termasuk kursus tambahan lain,
- b) Menerima Anugerah Dekan dalam DUA (2) daripada EMPAT (4) Peperiksaan Profesional,
- c) Tidak mengulang sebarang peperiksaan, dan
- d) Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib dari pihak Universiti.

### **ANUGERAH DEKAN**

Pelajar dikehendaki:

- a) Telah memperolehi sekurang-kurangnya Gred A bagi satu kursus Peperiksaan Profesional dan minimum Gred B bagi semua kursus (purata nilai gred kumulatif minima 3.5) dan diperakuan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan Jawatankuasa Akademik Fakulti, dan
- b) Pelajar berada dalam kategori 5% pelajar terbaik dari jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan Profesional.
- c) Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib dari pihak Universiti.

### **ANUGERAH AKADEMIK DI PERINGKAT FAKULTI**

Anugerah di peringkat Fakulti yang diberikan adalah:

- a) Anugerah Buku Pelajar yang mendapat markah tertinggi dalam kursus bagi Peperiksaan Profesional tahun pengajian masing-masing
- b) Anugerah Pelajar Cemerlang Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang (agregat markah tertinggi) dalam semua kursus bagi Peperiksaan Profesional tahun pengajian masing-masing

- c) Anugerah Graduan Cemerlang Program Pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik (Anugerah Dekan bagi setiap peperiksaan profesional) yang cemerlang sepanjang lima tahun tempoh pengajian.
  - d) Anugerah Graduan Cemerlang Fakulti Pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik dan kurikulum sepanjang tempoh pengajian.
  - e) Anugerah Kepimpinan Pelajar yang mempunyai pengetahuan yang luas, semangat kepimpinan yang tinggi, semangat kerja berpasukan yang kental, berdisiplin, dan boleh berkomunikasi dengan berkesan.
- Pelajar Tahun 5 yang tamat pengajian dengan keputusan cemerlang layak dicalonkan untuk Anugerah Graduan Terbaik UiTM.

#### **PERTANYAAN LANJUT**

Sungguhpun Buku Panduan ini telah disusun untuk memberi maklumat lengkap kepada pelajar, para pelajar dinasihatkan merujuk kepada Fakulti atau Universiti jika terdapat sebarang kemusykilan atau maklumat tidak lengkap di dalam Buku Panduan ini.

Pelajar-pelajar juga disarankan agar sentiasa merujuk kepada *i-student portal* di laman web: <http://istudent.uitm.edu.my/stp/home/main2.asp>

atau laman web UiTM: <http://www.uitm.edu.my>

untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini dari masa ke semasa.

Pelajar yang mempunyai sebarang masalah dinasihatkan berhubung terus dengan Dekan atau Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) atau Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) atau Penolong Pendaftar (Akademik) di Pejabat Dekan Fakulti Pergigian.

Sebarang pertanyaan mengenai program atau Fakulti Pergigian sila hubungi:

***Profesor Dr. Mohamed Ibrahim Abu Hassan***

Dekan

03-61266100

Email : mibrahim@uitm.edu.my

***PM Dr. Aida Nur Ashikin Binti Abd Rahman***

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

03-61266611

Email : aida\_nurashikin@uitm.edu.my

***Pn. Salina Ibrahim***

Penolong Pendaftar (Akademik)

03-6126658

Email : salina524@uitm.edu.my



Faculty of Dentistry  
UiTM Campus Sg Buloh,  
Jalan Hospital,  
47000 Sungai Buloh,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel(O): +603 6126 6658/ 6100  
Fax:+603 61266103  
[www.dentistry.uitm.edu.my](http://www.dentistry.uitm.edu.my)